



2021

LATIHAN PENGAYAAN PBD AKHIR TAHUN

SEJARAH TAHUN 5

NAMA : _____

KELAS : _____

SEKOLAH : _____

BAHAGIAN A
[60 MARKAH]

Kertas soalan ini mengandungi empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih SATU SAHAJA jawapan yang betul. Jawab semua soalan.

1. Negara-negara berikut masih mengekalkan Institusi raja *kecuali*
 - A. Arab Saudi
 - B. Thailand
 - C. Singapura
 - D. Jepun
2. Pentadbiran Negara pada masa kini diuruskan oleh _____
 - A. Yang di-Pertuan Agong
 - B. Yang di-Pertua negeri
 - C. Perdana Menteri
 - D. Menteri Besar
3. Batu bersurat adalah salah satu bukti kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Di manakah batu bersurat tersebut ditemui?
 - A. Melaka
 - B. Kelantan
 - C. Terengganu
 - D. Selangor
4. Perlembagaan Malaysia menyebut agama _____ adalah Agama Persekutuan.
 - A. Islam
 - B. Hindu
 - C. Buddha
 - D. Kristian
5. Seni khat juga dikenali sebagai _____
 - A. Flora
 - B. Kaligrafi
 - C. Karikatur
 - D. Kartunis

6. Antara berikut, yang manakah bukan warisan kesenian Islam di Negara kita



7. Negara kita pernah dijajah oleh Negara-negara berikut:-

- i. Siam
- ii. Belanda
- iii. Portugis
- iv. India

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv

8. Zaman Kesultanan Melayu Melaka mengandungi hukum Islam. Dua sumber perundangan tersebut ialah _____

- A. Hukum Laut Melaka dan Undang-undang Raja Melaka
- B. Hukum Islam Melaka dan Undang-undang Selat Melaka
- C. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
- D. Hukum Perundangan Melaka dan Undang-undang Negeri Mel

9. Berapakah bilangan anggota Majlis Raja-Raja yang terdapat di Malaysia?
- A. Dua Raja – Raja Melayu dan seorang Yang di-Pertua Negeri
 - B. Lima Raja – Raja Melayu dan 2 Yang di-Pertua Negeri
 - C. Tujuh Raja – Raja Melayu dan seorang Yang di-Pertua Negeri
 - D. Sembilan Raja – Raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri



Daulat Tuanku

10. Daulat bermaksud
- A. Kekuasaan raja
 - B. Ingkar perintah
 - C. Bangga
 - D. Hormat
11. Pending Diraja merupakan hiasan pada _____
- A tali pinggang
 - B kalung Diraja
 - C tengkolok Diraja
 - D muskat
12. Rundingan kemerdekaan telah ke London untuk berunding dengan pihak British bagi mendapatkan _____
- A. Emas
 - B. Gaji
 - C. Kemerdekaan
 - D. Kebebasan
13. Pengisytiharan kemerdekaan telah dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman pada _____
- A. 20 Februari 1956
 - B. 30 Ogos 1957
 - C. 31 Ogos 1957
 - D. 16 September 1963

14. Penentangan terhadap British di Perak disebabkan oleh _____
- A. Kehilangan hak mengutip cukai
 - B. Pembinaan balai polis oleh British
 - C. Pembakaran kampung oleh British
 - D. Menceroboh hutan untuk membina jalan
15. Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa penjajahan luar ke atas negara kita ?
- A. Meminta pertolongan luar untuk menyelesaikan masalah negara.
 - B. Kita perlu berbaik-baik dengan kuasa luar tanpa prasangka.
 - C. Berbangga kerana kuasa luar beminat dengan negara kita.
 - D. Rakyat harus bersatu-padu mempertahankan kedaulatan negara.
16. Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap tanah air kita ?
- Encik Mohamed Hamzah**
- A. Mencipta bendera Malaysia.
 - B. Menggubah seni kata lagu Negaraku.
 - C. Menghasilkan lambang Jata Negara.
 - D. Menulis Prinsip-Prinsip Rukun Negara.
17. Pada tahun 1841, James Brooke telah menjajah _____
- A. Johor
 - B. Sarawak
 - C. Melaka
 - D. Sabah

18. Jadual berikut berkaitan dengan perjuangan tokoh-tokoh tempatan di negara kita.

Tokoh	Negeri
Haji Abdul Rahman Limbong	X
Mat Salleh	Sabah
Dol Said	Melaka

Apakah negeri yang diwakili X ?

- A. Negeri Sembilan.
- B. Terengganu.
- C. Perak.
- D. Selangor.

19. Siapakah yang membantu Dato' Maharaja Lela membunuh J.W.W. Birch?

- A. Sultan Abdullah.
- B. Temenggong Hashim.
- C. Datu Patinggi Ali.
- D. Seputum.

20. Bagaimanakah masyarakat berbilang kaum boleh hidup dalam suasana rukun dan damai di Malaysia ?

- A. Tidak mencampuri urusan orang lain.
- B. Bertoleransi sesama bangsa sahaja.
- C. Saling menghormati antara satu sama lain.
- D. Mengelak daripada bergaul dengan jiran tetangga.

Soalan 21 hingga 22 berdasarkan gambar di bawah



21. Harimau dalam Jata Negara melambangkan _____.
- A. Kegagalan
 - B. Keberanian
 - C. Kebijaksanaan
 - D. Ketabahan
22. Cogan kata Jata Negara Malaysia ialah _____.
- A. "Bersedia, Berkhidmat, Berbakti"
 - B. "Muafakat Membawa Berkat"
 - C. "Bersekutu Bertambah Mutu"
 - D. "Bersekutu Membawa Mutu"
23. Warna putih pada Jalur Gemilang melambangkan _____.
- A. Kesetiaan dan keikhlasan
 - B. Islam sebagai agama persekutuan
 - C. Kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara
 - D. Perpaduan rakyat yang hidup rukun dan damai
24. Lagu kebangsaan negeri _____ adalah lagu asal Negaraku
- A. Kedah
 - B. Perak
 - C. Melaka
 - D. Selangor

25. Kita perlu _____ semasa menyanyikan lagu negaraku
- A. berjalan
 - B. berdiri tegak
 - C. berlari anak
 - D. duduk
26. Penyata Razak 1956 menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di
- A. Universiti
 - B. Sekolah Kebangsaan
 - C. Sekolah Jenis Kebangsaan
 - D. Sekolah Antarabangsa
27. Berikut adalah peranan Bahasa Kebangsaan untuk membangunkan negara kecuali
- A. Bahasa pentadbiran
 - B. Bahasa perhubungan
 - C. Bahasa di rumah
 - D. Bahasa ilmu

Soalan 28 berdasarkan petikan di bawah.

Penubuhan Sekolah Inggeris seperti Sekolah Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu dan Victoria Institution di Kuala Lumpur.

28. Berdasarkan petikan di atas, apakah kesan daripada penjajahan kuasa luar ke atas negara kita?
- A. Kemudahan sistem pengangkutan.
 - B. Perkembangan sistem pendidikan.
 - C. Perkembangan bandar-bandar baharu.
 - D. Kemudahan dalam sistem perkhidmatan kesihatan.

29. Bunga raya adalah bunga kebangsaan. Antara keistimewaan bunga raya ialah

- A. Mempunyai pelbagai warna
- B. Berbunga sepanjang tahun
- C. Berbau harum
- D. Sangat cantik

30. Warna merah pada kelopak bunga raya melambangkan

- A. Perpaduan dan kesejahteraan
- B. Keharmonian dan kegembiraan
- C. Keberanian menempuh cabaran
- D. Keceriaan dan kegembiraan

[60 markah]